



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

GAYA BAHASA PERBILANGAN ADAT PERPATIH

NORHAYATI IDRIS

FBMK 1999 10

GAYA BAHASA PERBILANGAN ADAT PERPATIH

NORHAYATI IDRIS

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1999



**GAYA BAHASA
PERBILANGAN ADAT PERPATIH**

Oleh

NORHAYATI BINTI IDRIS

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
untuk mendapatkan ijazah Master Sastera di
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.**

Jun 1999



PENGHARGAAN

*(buat suamiku, Jaafar Ab. Rahman, bonda Siti Mariam Ahmad
dan ayahanda Idris Kamsah)*

PERJUANGAN INI BELUM BERAKHIR...

*detik-detik waktu
pantas berlalu
tinggalkan sisa-sisa usia
meniti warna senja
membilang jalur pelangi
dan harapan
yang masih bersisa*

*langkah kuatur
meniti jejak waktu
walau payah
penuh ranjau
penuh duri
namun untuk berundur
tidak sekali*

*suamiku
renung matamu
riak bicaramu
adalah api
membakar semangatku*

*ibu
ayah
doamu tidak pernah bersisa
senyummu tidak pernah berakhir
sebagaimana perjuangan ini
jua belum sampai ke noktah terakhir...*

Buat suami, ibu dan ayah
yang paling mengerti makna sebuah perjuangan...
keupayaanku terbatas
tapi pengorbanan dan harapanmu
menunjang ke puncak jaya.

PRAKATA

Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurnia Allah s.w.t. berjaya juga saya menyempurnakan tesis bagi mendapatkan kelulusan dalam Master Sastera yang berjudul “Gaya Bahasa Perbilangan Adat Perpatih”.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini yang terdiri daripada Encik Kamaruzzaman A. Kadir (Pengerusi), Tuan Haji Taha Abd. Kadir dan Dr. Haji Mohd. Hussein bin Baharuddin yang telah sudi memberikan bimbingan, teguran, tunjuk ajar dan nasihat demi memantapkan serta menyempurnakan kajian ini.

Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga diberikan kepada Y.A.B Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa Bin Dato' Haji Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah sudi menghulurkan bantuan kewangan bagi membantu kajian ini.

Kajian yang berasaskan pendekatan stilistik ini telah berjaya mengungkapkan pemikiran dan falsafah yang terkandung dalam perbilangan adat perpatih secara global dan berkesan. Sesungguhnya, benarlah kata para sarjana dan pengkaji kesusasteraan yang terdahulu bahawa bahasa mampu mengangkat mertabat kesusasteraan manakala gaya bahasa yang tersendiri memaparkan keunikan sesuatu hasil karya itu.



Pemilihan diksi atau kata yang indah, puitis dan menarik serta kaya dengan unsur-unsur perulangan dan perlambangan dalam perbilangan adat perpatih ternyata mampu menyerlahkan sistem bermasyarakat yang unggul serta dapat dijadikan asas bagi menangani segala masalah sosial, ekonomi dan politik yang sedang gawat diperkatakan ketika ini.

Segala yang baik itu datangnya daripada Allah s.w.t. dan segala kekurangan itu berpunca daripada kelemahan dan kedhaifan diri saya sendiri. Saya berharap semoga kajian ini merupakan langkah awal untuk mengenali konsep kehidupan bermasyarakat pendukung Adat Perpatih yang dipaparkan melalui perbilangan adat agar dapat membudaya dalam diri setiap warga negara Malaysia.

Norhayati Binti Idris (53422)

Master Sastera,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,

Universiti Putra Malaysia, Serdang,

SELANGOR DARUL EHSAN.

30 JUN 1999



Isi Kandungan	Halaman
PRAKATA	ii
SENARAI RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	ix
 BAB	
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	3
Objektif Kajian	9
Batasan Kajian	9
Kepentingan Kajian	10
Kaedah Penyelidikan	12
Pendekatan Stilistik	15
Prinsip-prinsip Pendekatan Stilistik	17
Definisi Konsep	20
Gaya Bahasa	20
Perbilangan Adat Perpatih	24
II SOROTAN LITERATUR	33
III GAYA BAHASA PERBILANGAN ADAT PERPATIH DITINJAU DARI SEGI GENRE DAN FUNGSI	48
Pengenalan	48
Genre Perbilangan Adat Perpatih	58
Fungsi Perbilangan Adat Perpatih	65
Gambaran Kepercayaan, Nilai Dan Pegangan Hidup Masyarakat	67
Gambaran Perlakuan atau Tingkah Laku.....	71
Huraian dan Perincian Terhadap Undang-Undang dan Peraturan Yang Mesti Dipatuhi.....	74
Bahan Hiasan Atau Rujukan	79
Bahan Gunaan	81



IV	GAYA BAHASA PERBILANGAN ADAT PERPATIH DITINJAU DARI SEGI FALSAFAH DAN REALITI	85
	Pengenalan	85
	Perbilangan Adat Perpatih Ditinjau Dari Perspektif Sosial	90
	Perbilangan Adat Perpatih Ditinjau Dari Perspektif Ekonomi	122
	Perbilangan Adat Perpatih Ditinjau Dari Perspektif Politik	137
V	KESIMPULAN	151
	BIBLIOGRAFI	163
	LAMPIRAN	169
	Koleksi Perbilangan Adat Perpatih	170
	Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu	179
	'Jelebu Customary Songs And Sayings'	195
	BIOGRAFI DIRI	197

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Prinsip Adat	6
2	Penyataan fikiran melalui pertuturan	95

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk ijazah Master Sastera

GAYA BAHASA PERBILANGAN ADAT PERPATIH

Oleh

NORHAYATI BINTI IDRIS

Jun 1999

Pengerusi: Encik Kamaruzzaman A. Kadir

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Perbilangan Adat Perpatih merupakan rangkaian kata-kata atau ungkapan yang membawa konotasi adat. Dalam perbilangan itu terdapat peraturan atau petunjuk yang digunakan sebagai pedoman serta amalan seluruh aspek kehidupan masyarakat.

Gaya bahasa perbilangan Adat Perpatih mengandungi makna yang tersirat (konotatif) dan tersurat (denotatif) serta bersifat puitis hingga menjadikan perbilangan Adat Perpatih sebagai sebuah hasil kesusasteraan yang unggul dan kaya dengan unsur-unsur keindahan bahasa. Keindahan gaya bahasanya menyerlahkan cara hidup pendukung adat ini baik dari aspek sosial, ekonomi, budaya mahupun politik.



Berdasarkan hasil kajian ini, didapati bahawa pemilihan kata atau diksi perbilangan Adat Perpatih adalah bernas dan tepat pada perkara yang dimaksudkannya. Pemilihan dan penggunaan gaya bahasanya mampu menyerlahkan idea, falsafah dan pemikiran yang halus dan mantap.

Kajian ini terbahagi kepada lima bab. Bab 1 menyentuh tentang pengertian konsep, objektif, tujuan, batasan dan kaedah kajian yang digunakan, manakala Bab 2 memaparkan sorotan literatur terhadap kajian yang berkaitan dengan perbilangan Adat Perpatih yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji bahasa dan kesusasteraan yang terdahulu. Bab 3 pula merupakan kajian gaya bahasa yang ditinjau dari segi genre dan fungsi.

Bab 4 merupakan intipati kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji menyentuh aspek gaya bahasa perbilangan Adat Perpatih dari perspektif sosial, ekonomi dan politik serta peranannya dalam menghuraikan falsafah dan pemikiran masyarakat pendukung adat tersebut, terutamanya dalam menghadapi realiti masa kini. Akhirnya, Bab 5 merupakan kesimpulan kepada kajian dan perbincangan yang telah dibuat oleh pengkaji.

Berdasarkan hasil kajian ini, didapati gagasan idea yang dicerna oleh perbilangan Adat Perpatih melalui pemilihan kata yang simbolis dan bermakna ternyata berupaya merealisasikan segala hasrat dan visi kerajaan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts

THE LANGUAGE STYLE OF “ADAT PERPATIH” SAYINGS

By

NORHAYATI BINTI IDRIS

June 1999

Chairman: Mr. Kamaruzzaman A. Kadir

Faculty: Modern Languages and Communication

“Adat Perpatih” sayings are groups of words or phrases, which have cultural connotation. In these sayings, the rules of conduct or advice are used as a guide or practice in all aspects of life in society.

The language style of sayings has connotative and denotative meanings and it is also poetical that makes it a literature masterpiece which is full of language elements. The beauty of the language style portrays the life style of its upholders socially, economically, culturally and even politically.

From the research, it is found that the selection of words or terms of the “Adat Perpatih” sayings are effective and accurate with matters meant. The



language style selected and used is able to manifest ideas, philosophy and thoughts distinctly.

The research is divided into five chapters. Chapter I touches on the definitions of concepts, objectives, aims, problems and methods of research. Meanwhile, Chapter II depicts the sequences of literature related to the research of “Adat Perpatih” sayings conducted by previous language and literature researchers. Chapter III is the research of the language style which is viewed from its genre and function.

Chapter IV is the content of the research. In this chapter, the researcher touches on the aspects of the language style of “Adat Perpatih” sayings from the social, economic and political point of view as well as its role in explicating the upholders philosophy and thoughts in coping with the present reality. Finally, Chapter 5 is the conclusion of the research and findings.

Based on the research, it can be concluded that ideas composed by the “Adat Perpatih” sayings through the selection of symbolic and meaningful terms are capable in realizing the government’s vision.

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang penting antara manusia. Dengan bahasa mereka dapat berhubungan, bukan sahaja sesama individu malahan antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Kepelbagaian gaya bahasa diungkapkan oleh seseorang menggambarkan variasi pengucapan masyarakat, sebahagiannya mungkin digarap sebagai faktor dan bahan idea pengarang dalam karya-karya imaginatif yang mereka baca dan teliti.

Dalam perbilangan Adat Perpatih terdapat ungkapan-ungkapan yang menggunakan unsur-unsur perbandingan dan perlambangan seperti metafora, simile dan figuratif yang memberikan nilai estetika yang tinggi terutama dari sudut keindahan dan makna tersiratnya.

Kata-kata perbilangan Adat Perpatih adalah bernas dan tepat pada perkara yang dimaksudkannya. Pemilihan dan penggunaan gaya bahasanya telah menjadikan idea dan pemikiran yang ingin disampaikan terasa begitu halus dan tajam dengan konotasi adatnya .

Keindahan gaya bahasa perbilangan Adat Perpatih menyerlahkan cara hidup pendukung adat ini baik dari aspek sosial, ekonomi, budaya mahupun politik. Di dalam perbilangan adat terkandung segala peraturan dan petunjuk yang digunakan sebagai pedoman serta amalan dalam seluruh aspek kehidupan masyarakatnya. Kandungan perbilangan adat menyimpulkan pendapat dan pemikiran yang padat, jujur dan benar tentang nilai-nilai moral serta dapat dianggap sebagai undang-undang lisan atau peraturan yang perlu dipatuhi dalam kehidupan bermasyarakat.

Gaya bahasanya yang mengandungi makna tersirat (konotatif) dan tersurat (denotatif) serta bersifat puitis telah menjadikan perbilangan Adat Perpatih sebagai sebuah hasil kesusasteraan yang unggul dan kaya dengan unsur-unsur keindahan bahasa. Selain itu, bahasa perbilangan Adat Perpatih juga memancarkan kehalusan perasaan yang diimbangi oleh keluasan, kedalaman serta ketajaman pemikiran pendukung Adat Perpatih terhadap alam yang melandasi kehidupan serta aktiviti sosial, ekonomi dan politik masyarakat dengan alam sekitarnya.

Oleh yang demikian, pengkaji berhasrat untuk menghuraikan falsafah yang tersirat di sebalik gaya dan keindahan bahasa dalam perbilangan Adat Perpatih yang ringkas tetapi ia mempunyai makna yang amat luas serta bersifat taksa.

Setiap ungkapan kata perbilangan adat menuntut pembaca meneliti apa yang tersirat di sebalik yang tersurat. Dengan lain-lain perkataan, bahasa dan makna dalam kata-kata perbilangan adat ini bukanlah bahasa biasa yang mudah. Memandangkan kata perbilangan Adat Perpatih memerlukan penelitian dan pemahaman yang sebenarnya maka pengkaji memilih tajuk “GAYA BAHASA PERBILANGAN ADAT PERPATIH” untuk dikaji dan dianalisis serta diperturunkan dalam tesis ini.

Pernyataan Masalah

Negeri Sembilan Darul Khusus adalah salah sebuah negeri yang indah permai di wilayah tengah Semenanjung Malaysia. Sempadan- sempadan Negeri Sembilan Darul Khusus ialah Selangor di sebelah utara, Pahang di sebelah timur, Johor dan Melaka di sebelah selatan. Di sebelah barat dayanya Laut Selat Melaka.

Keluasan Negeri Sembilan Darul Khusus ialah 6,645 km persegi atau 664,591 hektar dan panjang pantainya 43 km. Kedudukan guna tanah di Negeri Sembilan Darul Khusus mengikut pengkelasan yang dipengaruhi oleh bentuk permukaan bumi dan kegiatan ekonomi seperti pertanian, hutan simpan, perumahan, perindustrian, perlombongan dan tanah kerajaan. 25% daripada bentuk muka buminya dikategorikan sebagai kawasan tanah tinggi (1700 kaki dari paras laut) dan 75% tanah rendah.

Oleh sebab setiap negeri Melayu mempunyai gelaran dan Negeri Sembilan agak unik maka ia menggunakan gelaran 'Darul Khusus'. Masyarakat Melayu keturunan Minangkabau di Negeri Sembilan mengamalkan suatu sistem sosial yang dinamakan Adat Perpatih. Adat ini mempunyai peraturan-peraturan merangkumi semua aspek kehidupan, lahir dalam bentuk kata-kata atau ungkapan lisan, iaitu perbilangan Adat Perpatih. Sebahagian besar susunan kata-katanya berbentuk puitis atau berirama. Kata-katanya pendek dan ringkas namun mempunyai unsur pemikiran, falsafah serta kebenaran. Antaranya yang jelas seperti ungkapan kata adat yang berikut:

*Kata adat banyak kiasan
Ditunjuk ia tetapi bukan
Bergulung pendek panjang direntang
Tidak faham kalau tak direnungkan.*

Pernyataan dari kata adat '*banyak kiasan*' dan '*tak faham kalau tak direnungkan*' jelas menunjukkan bahawa bahasa dalam perbilangan Adat Perpatih mencerminkan kehalusan perasaan yang diimbangi oleh keluasan dan ketajaman pemikiran.

Kata-kata perbilangan Adat Perpatih ini banyak mengandungi kata-kata kiasan dan simbolik kerana ia dicipta oleh generasi lalu selaras dengan zaman yang belum mempunyai alat media seperti sekarang. Justeru itu, kata-kata perbilangan adat ini mempunyai gaya yang tersendiri dan unik serta memerlukan 'kepakaran' untuk memahaminya selain aspek gaya menjadi tumpuan kajian ini agar ia dapat dimanfaatkan kepada para pembacanya.

Gaya yang dimaksudkan ialah pemilihan dan penggunaan kata (diksi), penyusunan kata-kata, irama, skema rima, pengulangan, kata-kata lama (arkaid) dan klasik. Sebahagian daripada kata-kata itu bersifat konotatif yakni mempunyai makna tersirat (*candra*) di samping tersurat (*harafiah*).


Dalam bahasa Minangkabau, perbilangan atau kata-kata adat ini dikenali juga sebagai **terombo**, **teromba** atau **Tambo Adat** kerana ia menceritakan tentang undang-undang adat.

Menurut A. Samad Idris (1990: 32), kedatangan orang Minangkabau telah membawa bersama kebudayaan ibunda mereka, sekaligus mengubah kehidupan penduduk asal Negeri Sembilan. Pertembungan budaya ini telah melahirkan tamadun yang lebih tinggi.

Orang Minangkabau yang merantau ini akhirnya tinggal menetap (*domicile*) di beberapa daerah di Negeri Sembilan, misalnya Rembau, Sg. Ujung, Jelebu dan lain-lain. Mereka membawa bersama-sama "adat hidup bersuku-suku" dan budaya mereka ke Negeri Sembilan sehingga berlakunya proses asimilasi atau penyesuaian dengan budaya penduduk asal yang terdiri daripada orang-orang asli (Jakun) dan membentuk sistem sosial yang dikenali sebagai Adat Perpatih.

Terdapat ciri-ciri persamaan antara sistem Adat Perpatih dengan sistem Adat Alam Minangkabau terutama sekali dari segi prinsip. Hal ini dapat

diperhatikan daripada rajah di bawah ini:



(Disesuaikan dari petikan buku "Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan Darul Khusus" oleh Norhalim Hj. Ibrahim, 1996: 3)

Rajah 1: Prinsip Adat

Adat Perpatih yang berdasarkan prinsip "*baik dipakai dek muafakat, buruk dibuang dek rundingan*" dapat dikategorikan kepada empat bahagian, iaitu:

1. Adat yang sebenar adat : sesuatu perkara yang tidak mungkin berubah kerana melibatkan faktor kejadian alam semula jadi atau berdasarkan ketentuan alam (sunnatullah) seperti,

*adat air cair
adat api panas
adat pisau melukai*

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1996: 3)

2. Adat yang teradat: sesuatu perkara yang menjadi kelaziman atau kebiasaan dalam kehidupan manusia seperti hormat kepada ibu bapa, pemimpin dan sebagainya.
3. Adat yang diadatkan: ketetapan atau peraturan yang diamalkan di sesuatu tempat dibuat hasil kata sepakat atau permuafakatan antara ketua-ketua adat seperti Buapak, Lembaga, Undang atau Penghulu.
4. Adat istadat: hiasan atau tambahan kepada ketiga-tiga kategori adat bagi mencantikkan adat yang sedia ada, seperti peraturan nikah kahwin yang merangkumi adat bersanding, adat berinai besar, adat berinai kecil dan sebagainya.

Perbilangan Adat Perpatih yang diungkapkan secara lisan (kemudiannya dibukukan) merupakan kata-kata adat yang digunakan sebagai pegangan dan peraturan dalam masyarakat Adat Perpatih yang bersistem matrilineal (nasab sebelah ibu) ini. Perbilangan ini difahami dan dihayati oleh seluruh warga masyarakat Adat Perpatih. Dengan itu tidak timbul salah faham, salah tafsir atau salah konsep seperti yang sering berlaku di kalangan masyarakat di luar Adat Perpatih. Contohnya perbilangan yang mengatakan "*biar mati anak, jangan mati adat*".

"*Biar mati anak jangan mati adat*" bermaksud, adat dan peraturan perlu dipertahankan dan dilaksanakan secara adil. Jika seseorang (anak) melakukan kesalahan biarpun dia anak seorang ketua, pembesar atau penghulu, hukuman

mesti dikenakan ke atasnya agar adat tidak tercemar, sebab itulah dikatakan "*biar mati anak...*". "*Mati*" di sini bersifat konotatif atau simbolik.

Selain itu, tujuan pengkaji menelusuri aspek gaya bahasa perbilangan Adat Perpatih adalah kerana pengkaji beranggapan bahasa mampu mengungkapkan pemikiran masyarakat dan mengangkat mertabat sesebuah hasil karya sastera, baik yang berbentuk tulisan mahupun lisan (Mana Sikana, 1986: 159). Tambahan pula, kebanyakan pengkaji adat terdahulu lebih berminat untuk mendokumentasikan kata-kata perbilangan adat atau teromba yang juga dikenali dengan pelbagai istilah lain seperti pepatah, petitih, peribahasa, perbilangan, gurindam, teromba, tambo dan terasul serta mengungkapkan perkara-perkara yang berkaitan norma-norma budaya dan etika secara umum berbanding fungsi gaya bahasa perbilangan adat tersebut dalam mencerminkan pemikiran dan budaya hidup masyarakat pendukung Adat Perpatih.

Pengkaji berharap agar kajian ini akan dapat membantu pembaca yang berada di luar lingkungan masyarakat Adat Perpatih memahami sistem kehidupan yang tersirat di sebalik ungkapan perbilangan adat ini.

Oleh itu, untuk menjadikan kajian ini lebih mantap dan sempurna, beberapa persoalan perlu dijawab. Antaranya ialah:

1. Apakah jenis-jenis gaya bahasa yang terdapat dalam perbilangan Adat Perpatih?
2. Apakah ciri-ciri gaya bahasa dalam perbilangan Adat Perpatih ?

3. Bagaimanakah gaya bahasa perbilangan Adat Perpatih mencerna minda pembaca dan masyarakat di luar lingkungan adat tersebut?
3. Dapatkah pemilihan kata-kata yang indah dalam perbilangan Adat Perpatih mengungkapkan pemikiran dan falsafah yang unggul dan bersifat sejagat ?

Berdasarkan persoalan di atas kajian ini penting untuk dilaksanakan.

Objektif Kajian

Kajian gaya bahasa dalam perbilangan Adat Perpatih ini mempunyai beberapa objektif seperti yang berikut:

1. Untuk mengenalpasti jenis-jenis gaya bahasa yang dominan dalam perbilangan Adat Perpatih;
2. Untuk mengenalpasti kesesuaian serta keberkesanan unsur-unsur gaya bahasa yang mengungkapkan aspek-aspek sosial dalam perbilangan Adat Perpatih;
3. Untuk memberi takrifan atau makna kepada beberapa perbilangan adat yang dikaji mengikut kesesuaian agar kekeliruan atau salah sangka sebahagian masyarakat dapat diatasi.

Batasan Kajian

Perbezaan dialek Negeri Sembilan dan Minangkabau ternyata menyulitkan proses analisis falsafah dan gaya bahasa perbilangan Adat Perpatih

ini. Terdapat beberapa perkataan Minangkabau, seperti *adaik badunsanak, dun sanak patahankan* (maksudnya: adat bersaudara, saudara pertahankan) yang boleh menjejaskan pemahaman pendengar atau pembaca perbilangan Adat Perpatih. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan data mentah (yakni kata-kata perbilangan adat) yang sudah sehati dan diterimapakai oleh masyarakat yang bermukim di daerah Rembau, Negeri Sembilan yang sebahagiannya dalam bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan, bukan dalam bahasa Minangkabau.

Kata-kata perbilangan ini akan diperolehi melalui pengkajian (dokumen) yang dibukukan oleh tokoh-tokoh Adat Perpatih seperti Norhalim Hj. Ibrahim dan Mohd. Din Ali (lihat lampiran A). Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah lapangan dengan mendapatkan maklumat daripada informan yang terdiri daripada tokoh-tokoh adat, ahli akademik dan individu-individu tertentu di daerah berkenaan. Untuk memudahkan pemahaman pembaca, pengkaji akan mencatatkan perbilangan Adat Perpatih yang sudah ditranliterasikan dalam sebutan baku.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti aspek-aspek gaya bahasa perbilangan adat, kesesuaian dan keberkesanannya dalam mengungkapkan sistem hidup bermasyarakat yang diamalkan oleh pendukung Adat Perpatih sejak zaman berzaman.

Dalam perbilangan Adat Perpatih terdapat penggunaan unsur-unsur gaya bahasa kiasan seperti metafora, simile, pengulangan atau repetasi, simpulan bahasa dan peribahasa. Bahasa kiasan merupakan satu bentuk gaya bahasa yang terhasil daripada analogi antara satu perkara dengan satu perkara yang lain. Gaya bahasa ini merupakan aspek penting dalam penulisan kerana ia bukan sahaja merupakan keindahan bentuk tetapi juga bersifat estetik yang menyangkut keindahan isi, makna dan rasa pada keseluruhannya.

Gaya bahasa kiasan ini dapat menghidupkan serta memperluas rasa sensitiviti masyarakat dari segi makna dan erti. Dalam perbilangan Adat Perpatih, keindahan gaya bahasanya mampu menyerlahkan perspektif hidup pendukung adat ini baik dari aspek sosial, agama, budaya, ekonomi, mahupun politik.

Gaya bahasanya yang mengandungi makna konotatif dan denotatif serta bersifat puitis telah menjadikan perbilangan Adat Perpatih sebagai sebuah hasil kesusasteraan yang kaya dengan unsur-unsur keindahan bahasa. Walau bagaimanapun masih ramai yang terkeliru dengan makna yang tersirat di sebalik kata-kata perbilangan adat.

Perbilangan adat yang sering menimbulkan kekeliruan adalah seperti '*biar mati anak jangan mati adat*', atau '*suarang beragih, dapatan tinggal, bawaan kembali*'. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat merungkaikan

sedikit sebanyak kekusutan dan kekeliruan yang timbul di kalangan pendengar atau pembaca terhadap perbilangan Adat Perpatih.

Selain itu, kajian ini dilakukan adalah untuk memperincikan maksud, falsafah dan pemikiran yang terkandung dalam perbilangan Adat Perpatih di samping mengangkat mertabat perbilangan adat selaras dengan perkembangan bahasa dan nilai hidup masyarakat Malaysia.

Kaedah Penyelidikan

Pengkaji akan menggunakan kaedah kepustakaan (perpustakaan) dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan amat penting bagi mendapatkan maklumat-maklumat daripada pengkaji-pengkaji perbilangan Adat Perpatih yang terdahulu. Kajian lalu ini dapat dijadikan bahan ulasan kosa ilmu dan menambah maklumat tentang kajian yang dijalankan oleh pengkaji kelak. Kaedah perpustakaan ini akan dilaksanakan melalui pengumpulan dan pemilihan beberapa perbilangan Adat Perpatih yang telah dibukukan, iaitu kata perbilangan adat yang tepat serta sesuai dengan objektif pengkajian.

Selain itu, pengkaji akan mendapatkan sumber atau buku-buku rujukan yang berkaitan dengan tajuk pengkajian daripada tesis, buku, jurnal, majalah, risalah, kertas kerja, *internet*, dan lain-lain untuk membuat kajian dan rujukan.